

PERHATIKAN
PLEASE NOTE

BERUCAP
EMBARGO

PEN.4/77/125(TPM)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan sebelum pukul
8.30 malam pada 22hb April, 1977.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERUCAP PADA
DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU

Ucapan Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad, di
majlis makan malam Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia
Cawangan Wilayah Persekutuan di Nirwana Ballroom, Hilton Kuala Lumpur
pada 22hb April, 1977 pukul 8.15 malam :

Saya ucapkan berbanyak terimakasih pada Dewan Perniagaan dan
Perusahaan Melayu Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan yang telah
sudi menjemput saya dan isteri hadir pada malam ini dalam satu majlis
yang amat permai. Suka juga saya mengucapkan syabas kepada ahli-ahli
Dewan Cawangan ini atas daya usaha mereka mengumpulkan derma bagi
tujuan kebajikan terhadap ahli-ahli serta anak-anak bumiputra yang
mempunyai minat di dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Saya yakin
dengan adanya kegiatan yang positif dari pihak Dewan sudah tentu segala
usaha dan rancangan yang ditaja oleh Kerajaan akan dapat mencapai
sepenuh kejayaan.

Sejak Dasar Ekonomi Baru mulai dilancarkan pada tahun 1970
hinggalah ke masa ini, Kerajaan telahpun menubuh beberapa agensi-agensi
baru serta mengkaji semula, menilai dan mengubahsuaikan dasar-dasar
Kerajaan supaya selaras dengan kehendak matlamat Dasar Ekonomi Baru,
khususnya bagi menentukan bahawa menjelang tahun 1990, 30% daripada
kegiatan-kegiatan perdagangan dan perusahaan dalam ekonomi negara ini
hendaklah dikuasai dan dikendalikan oleh orang-orang Melayu dan kaum
bumiputra yang lain. Penubuhan agensi-agensi ini serta langkah-langkah
lain telah diambil oleh Kerajaan kerana teguran, desakan dan cadangan
yang datang dari orangramai, khususnya bumiputra, terutama peniaga-
peniaga bumiputra. Dengan ini tentulah jelas bahawa Kerajaan sedia
menerima teguran yang membena dan bertindak membetulkan apa yang
dikatakan salah atau kurang. Bagi pihak Kerajaan yang memerintah
sekarang saya ingin memberi jaminan bahawa sikap Kerajaan tidak akan
bertukar, iaitu Kerajaan ini tetap sanggup menerima teguran dan
membetulkan diri bila sahaja perlu asalkan kepentingan peniaga bumiputra
terpelihara dalam context pembangunan negara yang terus maju.

Tetapi ingin saya tegaskan di sini iaitu memperbetulkan Kerajaan
sahaja tidak akan menjamin tercapainya matlamat Dasar Ekonomi Baru.
Peniaga dan pengusaha bumiputra tidak akan menjadi peniaga dan pengusaha
semata-mata kerana Kerajaan membentuk dasar dan menyediakan kemudahan.
Peniaga dan pengusaha menjadi peniaga dan pengusaha kerana sifat-sifat
yang tertentu yang ada pada mereka. Untuk menjadikan perkara ini satu
kenyataan yang sebenar, mereka sahaja, iaitu peniaga dan pengusaha
bumiputra sahaja, yang boleh bertindak.

Kita tidak dapat nafi bahawa walaupun semua kemudahan dan bantuan
sudah diberi, serta persaingan dihalang, masih ramai dari peniaga
bumiputra yang gagal. Sungguhpun ramai akan menyangkal, dan pendedahan
perkara ini tidak popular, hakikatnya ialah banyak kegagalan peniaga
dan pengusaha bumiputra disebabkan oleh mereka sendiri. Hakikat ini
perlu diakui kerana jika tidak diakui usaha pemulihan tidak dapat
dilakukan. Oleh itu jika diizinkan saya ingin menyentuh perkara ini.

(tambahan)

Sebenarnya banyak kesalahan yang menyebabkan kegagalan perniagaan bumiputra boleh disenaraikan. Kebanyakannya pula diketahui umum. Kita tahu umpamanya betapa boros peniaga bumiputra. Belum apa lagi perbelanjaan yang tinggi dihabiskan untuk berbagai hiasan dan kemudahan. Ada yang berkata ini penting untuk menyakinkan pelanggan. Benarkah? Ataupun lain perasaan yang mendorong lagak ini.

Ramai yang menegur sikap boros ini. Ramai yang tahu kesan sikap ini. Tetapi amalan ini diteruskan juga. Apa salahnya kalau berbuat demikian? Salahnya ialah ianya mencerminkan peribadi yang boros dan peribadi yang boros tidak mungkin mengawal dan mengurus wang. Dan perniagaan adalah pengurusan wang. Perniagaan tidak mungkin berjaya kalau peniaga tidak tahu mengurus wang.

Peniaga bumiputra yang berjaya, dan yang bukan bumiputra tidak bersikap demikian. Ramai juga peniaga bumiputra yang berjaya tetapi kita tidak begitu kenal mereka, kerana mereka tidak berlagak, ataupun berlagak setelah sampai kepada peringkat yang mengizinkan.

Oleh itu cubalah betulkan sikap ini. Teguran ini dibuat secara jujur kerana ingin melihat peniaga bumiputra berjaya. Janganlah melenting. Kerajaan tidak melenting bila ditegur. Kerajaan cuba membetulkan diri. Sama-samalah kita berusaha membetul yang tidak betul. Tidak ada gunanya jika satu pihak sahaja yang membetulkan diri. Tidak ada kesan kalau bertepuk sebelah tangan.

Satu lagi teguran yang ingin saya buat ialah tentang kepintaran berniaga. Mungkin ada mereka yang memang pintar dan mudah berjaya dalam perniagaan. Tetapi bagi kebanyakan kita, kepintaran berniaga mesti dipelajari.

Selok-belok perniagaan tidak mudah difaham dan dikuasai. Perniagaan yang dianggap mudah menjadi begitu kompleks apabila ianya diusahakan sendiri. Berbagai masalah wujud dan berbagai rintangan mengancam. Modal, hutang, faedah, lesen, bangunan, pembekal, pelanggan, cuaca, syarat kontrek, kenderaan, perniagaan, penipuan, rasuah, pegawai, bahan, kemalangan, insuran, inflasi, penjamin, cagaran, gaji, mogok, pasaran, perhitungan, cash-flow, dan seribu satu perkara boleh menguasai perjalanan perniagaan. Jika peniaga tidak tahu bagaimana menghadapi masalah yang timbul dari seribu satu faktor ini perniagaannya akan gagal.

Ramai sudah peniaga bumiputra yang telah gagal kerana masalah-masalah ini, iaitu kerana tidak pintar mengurus perniagaan. Walau apapun bantuan diberi peniaga-peniaga ini gagal. Kalau diadakan rescue operation atau usaha pemulihan sekalipun mereka akan gagal lagi kerana tidak ada kecekapan mengurus ini. Peluang demi peluang demi peluang akan hilang. Dengan itu bukan sahaja modal yang sedikit yang ada pada bumiputra akan hilang tetapi bilangan bumiputra yang mencebur diri dalam bidang perniagaan akan berkurangan kerana tersingkir oleh berbagai akibat kegagalan perniagaan mereka.

Kita tahu semua ini. Ahli perniagaan tahu, orangramai tahu, Kerajaan tahu; sudah tentu orang bumiputra dan ahli politik bumiputra tahu. Tetapi jikalau masalah kurang kepintaran ini dibangkitkan sebagai sebab kegagalan perniagaan bumiputra akan marahlah semua pihak. Ya memang benar, kata mereka, kepintaran kurang tetapi dalam keadaan kami ditindas dan ditekan oleh sepolan-sepolan, bagaimana dapat kami mencapai kejayaan.

Oleh kerana takut kemarahan tidak ada yang mahu menegur. Dengan itu masalah kurang kepintaran ini tidak diberi perhatian dan kesan tidak ada percubaan untuk mengatasinya ialah lebih banyak lagi kegagalan.

(tambahan)

Kata orang Inggeris "you are sticking your neck out." Saya tahu saya akan dikecam hebat oleh semua pihak dan ruangan suratkhbar akan penuh dengan kecaman terhadap saya kerana berkata demikian. Tetapi biarlah saya tidak popular. Saya tahu bukan sahaja kerana tempat yang saya duduki, tetapi dari pengalaman saya sebagai peniaga yang biasa gagal dan biasa berjaya betapa masaalah kurang kecekapan berniaga ini menyebabkan kegagalan peniaga bumiputra.

Selain dari perkara-perkara yang saya sebutkan ini, banyak lagi perkara yang penting bagi kejayaan peniaga bumiputra yang perlu dibetulkan oleh peniaga bumiputra sendiri. Marilah kita singkirkan false pride dan hadapi hakikat yang sebenar. Selagi kita tutupkan mata kepada perkara-perkara yang memerlukan tindakan oleh kita sendiri, selama itulah kita akan gagal.

Bagi pihak Kerajaan saya ingin memperbaharui pengakuan bahawa Kerajaan sedia menerima teguran dan sedia pula membetulkan diri. Tetapi janganlah menggunakan kesempatan menegur sebagai alasan terhadap kegagalan diri sendiri. Jika ada kesanggupan, adalah lebih mudah membaiki kesalahan diri sendiri dari memperbaiki kesalahan orang. Di mana kedua-dua adalah salah, memperbaiki diri sendiri akan mengurangkan setengah daripada masaalah.

Saya mohon maaf kerana berterus terang tentang hal ini. Mungkin tajuk ini kurang sesuai untuk majlis yang seumpama ini. Mungkin ada yang akan berkata bahawa kita tidak perlu heboh-hebohkan perkara ini. Tetapi saya berpendapat bahawa facts must be faced squarely atau kita mesti berani menghadapi kebenaran. Jika boros belanja menghalang kejayaan, akuinya dan elak daripada amalan ini. Jika kurang kepintaran berniaga menyebabkan kegagalan, dengan jujur dan ikhlas akui kebenaran ini dan usahalah untuk mempelajari dan menguasai ilmu perniagaan. Begitu juga jika perkara-perkara lain yang boleh diatasi oleh diri sendiri memerlukan tindakan, terimalah hakikat dan betulkannya sendiri. Cuma dengan cara ini sahaja yang kita boleh mencapai kejayaan.

Rancangan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia Cawangan Wilayah mengadakan latihan bagi anak bumiputra menunjuk kesedaran Dewan Cawangan Wilayah Persekutuan terhadap masaalah yang saya sebutkan. Saya bersyukur adanya rancangan ini. Inilah jenis usaha sendiri yang boleh menjamin kejayaan. Saya berharap kutipan derma akan mencapai kejayaan yang baik dan segala usaha yang akan dijalankan akan berjaya dan saya mengucapkan terimakasih kerana sudi Dewan Cawangan Wilayah Persekutuan menjemput saya dan isteri ke majlis yang permai ini.

Sekian, terimakasih.

KUALA LUMPUR,
22hb April, 1977.

(dikeluarkan pada pukul 6.00 petang)
